

**SOALAN LAZIM**  
**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 9 TAHUN 2019 :**  
**PELAKSANAAN PELARASAN GAJI KE GAJI PERMULAAN BAGI**  
**MENGGANTIKAN PEMBERIAN HADIAH PERGERAKAN GAJI (HPG)**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Adakah semua pegawai perkhidmatan awam layak menerima pelarasan gaji di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2019 (PP Bil. 9/2019) sekiranya mempunyai kelayakan akademik yang lebih tinggi semasa dalam perkhidmatan.	Tidak. Pelarasan gaji ke gaji permulaan kelayakan akademik yang lebih tinggi hanya diperuntukkan kepada pegawai dari skim perkhidmatan dan gred berikut: (i) Pensyarah Universiti Gred DS45 (ii) Pensyarah UiTM Gred DM45 (iii) Pegawai Penyelidik Gred Q41 (iv) Pegawai Psikologi Gred S41 (v) Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41.
2.	Sekiranya gaji akhir pegawai telah melebihi gaji permulaan yang dinyatakan dalam syarat-syarat lantikan skim perkhidmatan berkenaan, adakah gaji akhirnya akan diselaras ke gaji permulaan kelayakan akademik lebih tinggi itu?	Tidak. Gaji akhir pegawai yang telah melebihi gaji permulaan kelayakan akademik lebih tinggi tidak diselaraskan ke gaji permulaan. Gaji akhir pegawai adalah dikekalkan.
3.	Adakah pegawai dari skim perkhidmatan yang ditetapkan layak menerima pelarasan gaji ke gaji permulaan sekiranya pegawai telah dinaikkan pangkat sebelum tarikh memperoleh kelayakan akademik lebih tinggi.	Tidak. Pelarasan gaji ke gaji permulaan kelayakan akademik yang lebih tinggi diperuntukkan kepada pegawai di gred lantikan yang dinyatakan dalam PP Bil. 9/2019.
4.	Dimanakah rujukan bagi gaji permulaan kelayakan akademik sesebuah skim perkhidmatan?	Gaji permulaan kelayakan akademik bagi lima (5) skim perkhidmatan pada <u>masa ini</u> adalah merujuk kepada syarat-syarat lantikan skim perkhidmatan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016.  Walau bagaimanapun, amaun gaji permulaan dan kelayakan akademik yang diiktiraf dalam syarat-syarat lantikan ini adalah tertakluk kepada pindaan dan penambahbaikkkan skim perkhidmatan tersebut dari semasa ke semasa.

**SOALAN LAZIM**  
**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 9 TAHUN 2019 :**  
**PELAKSANAAN PELARASAN GAJI KE GAJI PERMULAAN BAGI**  
**MENGGANTIKAN PEMBERIAN HADIAH PERGERAKAN GAJI (HPG)**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
5.	Sekiranya pegawai mempunyai kelayakan lebih tinggi sebelum dilantik, adakah pegawai layak menerima pelarasan ke gaji permulaan ini?	Tidak. Walau bagaimanapun, pegawai hendaklah merujuk kepada Pihak Berkuasa Melantik berkenaan penetapan gaji permulaan yang lebih tinggi mengikut kelayakan akademik pegawai.
6.	Bolehkah tarikh konvokesyen dirujuk sebagai tarikh pelarasan gaji?	Tidak. Tarikh yang dirujuk bagi tujuan pelarasan gaji ke gaji permulaan adalah tarikh rasmi keputusan kelayakan diluluskan oleh Mesyuarat Senat dalam transkrip rasmi.
7.	Apakah dokumen dan prosedur yang diperlukan bagi permohonan pelarasan gaji ini?	Permohonan pelarasan gaji ini boleh dikemukakan kepada Pengurusan Sumber Manusia (PSM) di agensi di peringkat kementerian/ universiti masing-masing dalam tempoh (6) bulan daripada tarikh memperoleh kelayakan akademik dengan mengemukakan dokumen berikut: (i) salinan transkrip pengajian (ii) surat pengesahan pengajian.  Jika permohonan dikemukakan selepas tempoh 6 bulan tersebut, pihak PSM perlu merujuk kepada Bahagian Saraan, JPA.
8.	Pensyarah A sedang menyambung pengajian Ph.D dan akan tamat pada 30 Jun 2020. Adakah Pensyarah A tertakluk dengan Pekeliling Perkhidmatan ini?	Tidak. Pekeliling Perkhidmatan ini tidak tertakluk kepada pegawai yang sedang dalam pengajian sebelum 1 Januari 2020.  Pensyarah A layak dipertimbangkan pemberian Hadiah Pergerakan Gaji (HPG) mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1994.

**SOALAN LAZIM**  
**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 9 TAHUN 2019 :**  
**PELAKSANAAN PELARASAN GAJI KE GAJI PERMULAAN BAGI**  
**MENGGANTIKAN PEMBERIAN HADIAH PERGERAKAN GAJI (HPG)**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
9.	Pegawai Penyelidik B telah menerima tawaran pembiayaan pengajian dalam bentuk Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, beliau akan melanjutkan pengajian pada Februari 2020. Adakah beliau tertakluk dengan Pekeliling Perkhidmatan ini?	<p>Tidak. Pekeliling Perkhidmatan ini tidak tertakluk kepada pegawai yang telah mendapat tawaran pembiayaan pengajian sebelum 1 Januari 2020.</p> <p>Pegawai Penyelidik layak dipertimbangkan HPG mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1995.</p>
10.	Pegawai Teknologi Maklumat telah mendapat tawaran pengajian bagi sesi September 2019. Walau bagaimanapun, atas sebab tertentu beliau akan memulakan pengajiannya pada Februari 2020. Adakah beliau tertakluk dengan Pekeliling Perkhidmatan ini?	<p>Tidak. Pekeliling Perkhidmatan ini tidak tertakluk kepada pegawai yang telah mendapat tawaran pengajian sebelum 1 Januari 2020.</p> <p>Pegawai Teknologi Maklumat tersebut layak dipertimbangkan HPG mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2006.</p>
11.	Adakah Pekeliling Perkhidmatan ini terpakai kepada semua Perkhidmatan Awam?	Ya. Keseluruhan Pekeliling Perkhidmatan ini adalah terpakai kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak berkuasa Tempatan yang menerima peruntukan/pembiayaan Kerajaan Persekutuan serta pembayaran pencen, ganjaran dan elaun lain yang seumpamanya dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.
12.	Adakah Pihak Berkuasa Berkanun boleh meminda/menerima pakai sebahagian sahaja Pekeliling Perkhidmatan ini?	Tidak boleh. Semua agensi berkaitan perlu menerima pakai <b>keseluruhan</b> Pekeliling Perkhidmatan ini.